

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 FEBRUARI 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 2

### GITC wujudkan ekosistem TVET lebih bersepadu

# GITC wujudkan ekosistem TVET lebih bersepadu

**Penubuhan selari agenda bangunkan modal insan luar bandar berkualiti penuhi keperluan masa hadapan**

Oleh Samadi Ahmad  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Putrajaya:** Penubuhan Badan Koordinasi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) Kerajaan-Industri (GITC) akan mewujudkan ekosistem lebih bersepadu berkaitan keperluan kemahiran dan tenaga kerja.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata GITC selari dengan agenda dan aspirasi Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) untuk membangunkan modal insan luar bandar yang berkualiti, berkemahiran dan memenuhi keperluan masa hadapan.

Beliau berkata, KPLB menyambut baik keputusan Mesyuarat Majlis TVET Negara dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang memperakuan penubuhan Badan Koordinasi TVET Kerajaan-Industri, pelaksanaan Hab Kolaborasi TVET serta cadangan pernaraan tunggal Program TVET.

Katanya, penubuhan GITC

yang diterajui pihak industri membolehkan badan itu dan kerajaan mengalas tanggungjawab bagi mengupayakan TVET dalam setiap rantaian nilai penghasilan graduan yang berkualiti.

Menerusi Hab Kolaborasi TVET, beliau berkata, terdapat tiga institusi pendidikan TVET KPLB di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) terdiri daripada Kluster Integrasi Sistem Avionik dan Komunikasi Satelit, Institut Teknologi Penerangan Malaysia (MIAT), Universiti Kuala Lumpur (UniKL).

"Selain itu, Kluster Automasi dan Robotik Industri, UniKL MFI dan Pusat Rel Asia UniKL yang diiktiraf sebagai antara hab fasa pertama Pusat Kecemerlangan Industri di Wilayah Tengah," katanya melalui satu kenyataan media, semalam.

Khamis lalu, Mesyuarat Majlis TVET Negara bersetujucadangkan pernaraan tunggal TVET dengan proses libat urus beberapa kementerian dan penggiat industri perlu dilaksanakan sebelum laporan dibentangkan pada mesyuarat majlis berkenaan yang akan datang.

"Inisiatif ini dijangka memperkuat simbiosis ekosistem TVET dalam menghubungkan pihak yang terbabit untuk meratapi jurang di antara permintaan dan penawaran tenaga kerja bagi merealisasikan strategi dan inisiatif yang dirangka di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12)," kata Mahdzir.

Katanya lagi, UniKL bersedia memainkan peranan yang di-

mandatkan dalam memacu kolaborasi bersinergi antara institusi TVET, kerajaan dan industri menerusi perkongsian sumber, kepakaran dan peralatan bagi pemerksaan pendidikan berkenaan.

Untuk rekod, beliau memaklumkan, KPLB mempunyai 279 institusi pendidikan TVET di seluruh negara yang mempunyai kekuatan dan mengikut padanan dengan keperluan industri.

Katanya, antara jalinan kolaborasi TVET KPLB dengan pihak industri, termasuk kolaborasi strategik dengan pelbagai sektor perindustrian melalui pemeraian 227 memorandum persefahaman (MoU) berstatus aktif.

"Kolaborasi merangkumi pembekalan teknologi terkini, kepakaran dan latihan secara profesional, pembangunan program, tenaga pengajar dan pelatih, pemindahan teknologi dan pengetahuan serta peningkatan kemahiran dan latihan semula," katanya.

Mahdzir berkata, kolaborasi itu bagi memastikan semua pelatih TVET KPLB dilengkapi kemahiran kebolehpasaran yang tinggi mengikut keperluan industri dengan kadar upah yang tinggi.

Inisiatif yang dirancang itu, katanya, mampu memperkemas dan memperkuatkannya lagi ekosistem TVET secara keseluruhan dengan penggembengan bersepadu semua pihak yang berkepentingan dalam usaha memartabatkan TVET sebagai pilihan pertama kerjaya.